

02/11/1999

Wira 1.6, Kembara tunggu peserta berjalan untuk negara

KUALA LUMPUR, Isnin - Peserta Program Berjalan Untuk Negara pada Sabtu depan, berpeluang membawa pulang Proton Wira 1.6 dan Produa Kembara EX serta pelbagai hadiah lain bernilai lebih RM1 juta.

Hadiah lain cabutan nombor bertuah bagi peserta program itu ialah sebuah motosikal Jaguh, empat motosikal Kriss, dua motosikal Suzuki, tiga motosikal Honda, 100 basikal, dua televisyen 25 inci, 50 telefon bimbit dan pelbagai barangan elektrik serta hamper.

Cabutan bertuah peringkat kebangsaan membabitkan hadiah utama akan diadakan pada 15 November ini.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, hari ini menerima sumbangan penajaan kenderaan terbabit daripada Pengerusi Kumpulan DRB Hicom, Tan Sri Salleh Sulong dan Pengerusi Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Produa), Raja Tun Mohar Badiozaman.

Muhyiddin berkata, sehingga hari ini, seramai 1.3 juta orang sudah mendaftar sebagai peserta program berkenaan yang dianjurkan sempena usaha negara bagi menganjurkan Sukan Asia 2006.

"Kita berharap menjelang tarikh tutup pendaftaran program pada Rabu ini, matlamat mengumpul lebih dua juta peserta dicapai.

"Bagaimanapun, kita tidak akan melanjutkan tempoh pendaftaran program itu kerana tidak mahu mengalami masalah pengurusan," katanya selepas majlis penyerahan kenderaan terbabit di pejabatnya, hari ini.

Hadir sama timbalannya, Datuk Loke Yuen Yow dan Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Zabri Min.

Muhyiddin turut memuji pembabitan sektor swasta dalam program itu termasuk dalam bentuk penajaan hadiah sama ada berbentuk barangan ataupun wang tunai.

Sehingga ini, sebanyak 31 syarikat menjadi penaja program Berjalan Untuk Negara yang akan dilangsungkan serentak di 294 lokasi seluruh negara bermula jam 7 pagi, Sabtu ini.

Muhyiddin berkata, pelancaran program ini akan disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan turut dihadiri timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta menteri Kabinet, di Taman Tasik Titivangsa.

Sementara itu, katanya, Perak mendahului senarai peserta paling ramai apabila menerima 150,150 peserta diikuti Sabah 120,531 peserta.

(END)